

13/08/2000

Zainol dilantik Pengerusi Tabung Haji

KANGAR: Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersetuju melantik Tan Sri Zainol Mahmud (gambar) sebagai Pengerusi Tabung Haji yang baru, berkuatkuasa mulai 1 Ogos lalu.

Zainol yang sebelum ini Pengerusi Pos Malaysia, dilantik menggantikan Tan Sri Mohd Razali Mohd Ali.

"JPM juga bersetuju dengan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji yang baru, berkuatkuasa 1 Ogos lalu," katanya.

Perkara itu diumumkan oleh Menteri di JPM, Datuk Dr Abdul Hamid Othman pada sidang media selepas merasmikan Ijtimak Guru-Guru Tahmir peringkat negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang di Dewan Kompleks Warisan Negeri di sini, semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Sulaiman Endut; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di JPM, Mohd Shahir Abdullah dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perlis, Sazali Husain.

Dr Abdul Hamid berkata, pelantikan itu dipersetujui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, ahli lembaga Pengarah Tabung Haji yang baru dilantik terdiri daripada bekas pegawai tinggi kerajaan yang mempunyai pengalaman luas dan mengetahui dasar kerajaan.

"Selain itu, mereka yang terbabit terdiri daripada ahli fikir dan ahli masyarakat berpengaruh dan dilantik secara kontrak iaitu bagi tempoh dua tahun," katanya.

Menurutnya, pelantikan itu penting kerana Tabung Haji bertanggungjawab menguruskan harta bernilai lebih RM9 bilion, termasuk wang tunai bernilai kira-kira RM2 bilion.

(END)